INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)www.ijepc.comPENDEKATAN FLIPPED CLASSROOM DALAM
PEMBELAJARAN AATHICHUDI MURID TAHUN ENAM DI
SEKOLAH KEBANGSAAN*THE FLIPPED CLASSROOM APPROACH IN LEARNING AATHICHUDI FOR
YEAR SIX STUDENTS AT SEKOLAH KEBANGSAAN*Ranjani Nanthan^{1*}, Kartheges Ponniah²¹ Faculty of Language and Communication, University Pendidikan Sultan Idris

Email: m20231000144@siswa.upsi.edu.my

² Faculty of Language and Communication, University Pendidikan Sultan Idris

Email: Kartheges@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 26.08.2025

Revised date: 17.09.2025

Accepted date: 02.11.2025

Published date: 03.12.2025

To cite this document:

Nanthan, R., & Ponniah, K. (2025). Pendekatan Flipped Classroom Dalam Pembelajaran Aathichudi Murid Tahun Enam Di Sekolah Kebangsaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (61), 390-407.

DOI: 10.35631/IJEPC.1061030

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti isu-isu dalam pembelajaran Aathichudi serta menganalisis keperluan murid dan guru dalam penyediaan bahan pembelajaran yang bersesuaian. Seterusnya, kajian ini membina bahan dan aktiviti pembelajaran Aathichudi berasaskan pendekatan *Flipped Classroom*, dan menilai kebolegunaan bahan tersebut dalam kalangan murid Tahun Enam di Sekolah Kebangsaan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan pendekatan kuasi-eksperimen bagi mencapai tiga objektif kajian utama. Seramai 62 orang murid Tahun Enam dari dua buah sekolah di Daerah Kinta Utara, Perak telah terlibat sebagai sampel kajian, terdiri daripada 30 orang dalam kumpulan kawalan dan 32 orang dalam kumpulan rawatan. Data kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi berdasarkan skor ujian pra dan pasca. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan ketara dalam pencapaian kumpulan rawatan selepas pelaksanaan intervensi *Flipped Classroom*. Peratusan murid yang mencapai tahap cemerlang meningkat daripada 0% kepada 9%, manakala tahap memuaskan meningkat daripada 38% kepada 56%, dan tahap belum mencapai tahap minimum menurun daripada 12% kepada 0%. Secara keseluruhannya, pendekatan *Flipped Classroom* didapati dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Aathichudi serta memberikan implikasi penting kepada pendidik dalam merancang strategi PdP yang lebih inovatif, menarik dan berpusatkan murid.

Kata Kunci:

Flipped Classroom, Pembelajaran Terbalik, Aathichudi, Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, Pembelajaran Aktif, Pendidikan Bahasa Tamil, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Kuasi Eksperimen

Abstract:

This study was conducted to identify issues in learning *Aathichudi* and to analyze the needs of pupils and teachers in preparing appropriate learning materials. Furthermore, it aimed to develop *Aathichudi* learning materials and activities based on the *Flipped Classroom* approach and to evaluate their usability among Year Six pupils in national primary schools. The study employed a quantitative research design using a quasi-experimental approach to achieve three main research objectives. A total of 62 Year Six pupils from two schools in Kinta Utara District, Perak participated in this study, comprising 30 pupils in the control group and 32 pupils in the treatment group. Data were analyzed using descriptive and inferential statistics based on pre-test and post-test scores. The findings revealed a significant improvement in the achievement of the treatment group after the implementation of the *Flipped Classroom* intervention. The percentage of pupils achieving the excellent level increased from 0% to 9%, while those at the satisfactory level increased from 38% to 56%, and those below the minimum level decreased from 12% to 0%. Overall, the *Flipped Classroom* approach was found to enhance the effectiveness of teaching and learning *Aathichudi* and provides important implications for educators in designing more innovative, engaging, and learner-centered instructional strategies.

Keywords:

Flipped Classroom, Aathichudi, Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, Active Learning, Tamil Language Learning, National Primary School, Quasi-Experimental Study

Pengenalan

Pendidikan abad ke-21 menekankan pembelajaran berpusatkan murid, pembelajaran sendiri, serta penguasaan teknologi. Walau bagaimanapun, pengajaran *Aathichudi* di sekolah kebangsaan, sering kali terbatas kepada hafalan dan pengajaran tradisional. Murid kurang berpeluang meneroka nilai-nilai yang terkandung dalam teks tersebut secara mendalam.

Aathichudi karya Avvaiyar sarat dengan nilai moral, etika, dan kearifan hidup yang wajar diaplikasikan dalam kehidupan seharian murid. Namun, kekangan masa PdP, kebergantungan kepada buku teks, serta kurangnya pendekatan kreatif menyebabkan pengajaran *Aathichudi* kurang menarik. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Ponniah, K., Sivanadhan, I., Kumar, M., & Nadarajan, P. (2019). Menurut kajian ini, guru-guru didapati kurang fokus terhadap aktiviti pemulihan dan pengukuhan dalam aspek seni bahasa di kelas. Selain itu, pentaksiran murid-murid dalam aspek seni bahasa oleh guru juga agak terhad dan ini menyebabkan kualiti pemahaman murid tidak optimum.

Sehubungan dengan itu, guru-guru BTKS perlu memvariasikan teknik pengajaran dalam kelas semasa mengajar *Aathichudi* supaya minat murid untuk belajar meningkat serta mudah memahami dan menghayati maksud tersirat sesuatu *Aathichudi*. Kaedah pedagogi yang berkesan dapat membantu murid dan guru mencapai objektif pembelajaran dengan cara yang lebih santai dan seronok. Ini secara tidak langsung akan menarik minat serta tahap motivasi murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam kelas. Oleh yang demikian, guru harus menjadi pendorong utama untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran supaya dapat melahirkan lebih ramai murid yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani (Chua Yan Piaw, 2021).

Flipped Classroom membolehkan penggunaan masa yang lebih untuk aktiviti dan sesi soal jawab di samping menganalisis sesuatu topik di dalam bilik darjah. Menurut Fulton (2012), *Flipped Classroom* mendorong murid untuk berdiskusi terhadap pembelajaran mereka. Menurut Bergmann & Sams (2012) pendekatan *Flipped Classroom* dilaksanakan dengan menggunakan video pengajaran. Guru menggunakan video pendek berdurasi 10-15 minit dan mendapati ia berkesan dalam pembelajaran. Kini, terdapat pelbagai sumber untuk memilih video yang diperlukan dan guru berpeluang memilih bahan yang sesuai dengan pemahaman murid. Selain video, mendengar podcast, membaca artikel dan melihat slaid power point juga dapat diintegrasikan dalam *Flipped Classroom* (Clark 2015).

Di samping itu, *Flipped Classroom* merupakan pendekatan pembelajaran yang inovatif dan berkesan, dengan pelbagai manfaat seperti peningkatan penglibatan murid, prestasi akademik, dan kemahiran abad ke-21 (Zainuddin dan Perera, 2020). Penglibatan murid didapati lebih aktif dalam proses pembelajaran kerana mereka telah mempelajari bahan asas sebelum kelas dan bersedia untuk berinteraksi semasa sesi kelas. *Flipped Classroom* membantu murid mengembangkan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan kolaborasi.

Tuntasnya, *Flipped Classroom* amat sesuai untuk dijadikan pendekatan yang berkesan dalam pengajaran *Aathichudi* di Sekolah Kebangsaan. Hal ini disebabkan oleh faktor pendekatan *Flipped Classroom* itu sendiri yang sememangnya memudahkan murid mempelajari kandungan asas di rumah melalui video, bahan digital atau modul, manakala masa di dalam kelas digunakan untuk aktiviti kolaboratif, pemahaman mendalam dan pengayaan.

Objektif Kajian

Secara umum, objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti isu-isu dalam pengajaran dan pembelajaran aspek *Aathichudi* murid tahun 6.
2. Membina bahan dan aktiviti pembelajaran *Aathichudi* melalui pendekatan *Flipped Classroom*.
3. Membandingkan tahap pencapaian skor ujian pra dan pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan
4. rawatan selepas pembelajaran *Flipped Classroom*.

Persoalan Kajian

Dalam menjawab objektif kajian, maka tiga persoalan kajian dibina, seperti berikut:

1. Apakah isu-isu yang dihadapi oleh murid Tahun 6 dalam pengajaran dan pembelajaran
2. *Aathichudi*?

3. Apakah isi kandungan yang diperlukan dalam pembinaan bahan dan aktiviti pembelajaran
4. Aathichudi melalui pendekatan *Flipped Classroom*?
5. Sejauh manakah perbezaan terhadap tahap pencapaian skor ujian pra dan pasca antara kumpulan
6. kawalan dan kumpulan rawatan selepas pembelajaran melalui *Flipped Classroom*?

Sorotan Literatur

Transformasi pendidikan merujuk kepada perubahan menyeluruh dalam sistem pendidikan untuk memenuhi keperluan dan cabaran masa kini dan masa depan. Ini melibatkan pembaharuan kurikulum, pendekatan pengajaran, teknologi pembelajaran, dan penekanan pada kemahiran yang relevan dengan abad ke-21. Teknologi seperti komputer, tablet, dan internet telah mengubah cara pelajar belajar dan berinteraksi dengan guru dan rakan sekelas. Pembelajaran dalam talian, platform e-pembelajaran, dan aplikasi pendidikan membolehkan pembelajaran yang lebih fleksibel dan dapat diakses dari mana-mana sahaja (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Menurut Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Rozanna (2017), adalah penting para guru mendalami pengetahuan terkini mengenai pembelajaran abad ke-21 supaya sistem pendidikan negara semakin maju. Guru harus memastikan aktiviti pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah tidak membosankan dan menghiburkan supaya minat murid sentiasa di tahap optimum. Selain itu, kemahiran PAK 21 harus dikuasai oleh murid melalui aktiviti yang lebih berpusat pada mereka dan pendedahan kepada permintaan dan isu global pada masa kini.

Pembelajaran abad ke-21 merangkumi kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran maklumat, media dan teknologi serta kemahiran hidup dan kerjaya (Nurul Azwani Mohd Idriki & Tan Bee Piang, 2022). Guru perlu ada sokongan yang lebih baik dari segi latihan, sumber, dan infrastruktur, serta pendekatan pengajaran yang lebih inovatif dan sesuai dengan konteks pembelajaran supaya matlamat utama pembelajaran abad ke-21 dapat dicapai.

Seterusnya, menurut Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019), pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 memerlukan perubahan signifikan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Latihan yang lebih baik, sokongan teknologi, dan perubahan sikap adalah penting untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan pembelajaran abad ke-21.

Menurut Van Alten et al. (2020) *Flipped Classroom* membawa kesan positif yang signifikan terhadap hasil pembelajaran dan kepuasan pelajar. Implikasi praktikal yang diperoleh dari kajian ini memberi panduan kepada pendidik dalam memanfaatkan potensi *Flipped Classroom* untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ia berpotensi untuk meningkatkan kepuasan pelajar terhadap pengalaman pembelajaran mereka oleh kerana adanya kesempatan untuk mempelajari bahan-bahan pembelajaran secara sendiri sebelum sesi kelas memberikan murid lebih banyak kawalan terhadap proses pembelajaran mereka.

Selain itu, menurut Ainullah et al. (2021) pembelajaran sendiri mempengaruhi output sesuatu pembelajaran. Murid yang mempunyai daya pembelajaran sendiri yang lemah tidak berupaya melibatkan diri secara aktif semasa sesi pembelajaran seterusnya gagal mencapai hasil pembelajaran yang optimum. Walaupun terdapat banyak bukti yang menegaskan kelebihan

kelas berbalik terhadap pencapaian akademik murid khususnya dalam pembelajaran matematik, namun masih kurang kajian melibatkan perubahan tingkah laku sepanjang mengikuti kelas berbalik (Tutal&Yazar, 2021).

Metodologi


Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berdasarkan reka bentuk kuasi-eksperimen yang merangkumi ujian pra dan pasca. Kaedah kuantitatif membantu pengkaji dalam menjalankan pemerhatian secara holistik serta menyampaikan maklumat mengikut nilai numerikal yang diperolehi. Kaedah ini digunakan bagi mengumpul data secara berfokus dan teliti untuk membuat analisis dalam kajian. Untuk menjawab soalan kajian satu, instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul data adalah soal selidik. Seterusnya, untuk menjawab soalan kedua pula, pengkaji menggunakan instrumen soal selidik. Akhirnya, bagi menjawab soalan kajian ketiga pula, pengkaji menggunakan instrumen ujian pra dan pasca.

	Ujian Pra	Kaedah	Ujian Pasca
Kumpulan Rawatan	O1	x1	O2
Kumpulan Kawalan	O1	x2	O2
Petunjuk:			
O1	=	Pembolehkan tidak bersandar	
O2	=	Pembolehkan bersandar	
X1	=	Pendekatan <i>Flipped Classroom</i>	
X2	=	Pendekatan kelas tradisional	
----	=	Olahan	

Rajah 1: Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen Bagi Kajian Ini

Rajah 1 menunjukkan reka bentuk ujian pra dan ujian pasca yang dikendalikan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kaedah tradisional digunakan untuk mengajar kumpulan kawalan manakala kaedah *Flipped Classroom* digunakan untuk mengajar kumpulan rawatan dalam pengajaran dan pembelajaran ceyyul Aathichudi. O1 merupakan simbol yang menunjukkan ujian pra manakala O2 merupakan ujian pasca. X1 pula menunjukkan pelaksanaan pendekatan *Flipped Classroom* terhadap kumpulan rawatan sebagai proses eksperimen selepas ujian pra dan sebelum ujian pasca. X2 menunjukkan pelaksanaan kaedah tradisional terhadap kumpulan kawalan selepas ujian pra dan sebelum ujian pasca. Simbol ---- merupakan olahan atau langkah eksperimen dijalankan selepas ujian pra dan sebelum ujian pasca. Tujuan utama ujian pra dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti tahap pencapaian sedia ada pada murid dalam *Aathichudi*. Ujian pasca pula dilaksanakan setelah melalui proses eksperimen selama enam minggu.

Dalam kajian ini, populasi sasaran adalah semua murid Tahun Enam di Sekolah Kebangsaan yang belajar matapelajaran Bahasa Tamil SK di Malaysia. Populasi yang boleh dicapai adalah murid Tahun Enam di dua buah Sekolah Kebangsaan di daerah Kinta Utara, Perak. Seramai 62 orang murid akan dijadikan sampel bagi kajian ini.



Rajah 2: Populasi Sasaran, Populasi Capaian dan Sampel

Kaedah persampelan dalam kajian ini bertujuan mengumpulkan maklumat dari sekumpulan sampel yang khusus serta bertepatan dengan objektif kajian. Responden kajian yang digunakan adalah murid-murid dari dua buah Sekolah Kebangsaan yang berlainan. Dua buah kelas Tahun Enam akan terlibat dalam kajian ini. Sebuah kelas Tahun Enam dari Sekolah A akan dijadikan sebagai kumpulan rawatan manakala sebuah lagi kelas Tahun Enam dari Sekolah B akan dijadikan sebagai kumpulan kawalan. Meskipun sampel kajian dari sekolah yang berlainan, suasana pembelajaran dan juga pengalaman adalah hampir sama. Tahap penguasaan *Aathichudi* para responden dari kedua-dua kelas berdasarkan laporan Pentaksiran Bilik Darjah yang diperoleh daripada pihak sekolah adalah lebih kurang sama. Responden juga diuji kesetaraan dari segi tahap penguasaan *Aathichudi* berpandukan ujian pra. Ini adalah bagi memastikan sampel bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah setara. Pemilihan sampel ini adalah disebabkan tiada kajian khusus mengenai pendekatan *Flipped Classroom* dalam pengajaran *Aathichudi* di Sekolah Kebangsaan dalam daerah Kinta Utara sehingga kini. Pengkaji juga menegaskan bahawa murid dari kedua-dua sekolah yang dipilih adalah setara menerusi ujian pra dengan melihat pada perbezaan min bagi ujian tersebut. Hal ini penting untuk memastikan transformasi yang berlaku menerusi proses rawatan yang dilaksanakan dan bukan disebabkan oleh faktor murid. Jadual 1 ini menunjukkan bilangan murid bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan mengikut jantina.

Jadual 1: Bilangan Murid Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Mengikut Jantina

Kumpulan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Rawatan	15	17	32
Kawalan	14	16	30

Jumlah murid

62

Instrumen kajian ini merangkumi soal selidik serta ujian pra dan ujian pasca. Jadual 2 menunjukkan instrumen yang digunakan untuk menjawab setiap persoalan kajian.

Jadual 2: Instrumen Untuk Menjawab Persoalan Kajian


Instrumen	Persoalan Kajian
Soal Selidik	Apakah isu-isu yang dihadapi oleh murid Tahun 6 dalam dalam pengajaran dan pembelajaran aspek <i>Aathichudi</i> ?
Soal Selidik	Membina bahan dan aktiviti pembelajaran <i>Aathichudi</i> melalui pendekatan <i>Flipped Classroom</i> .
Ujian pra skor ujian Ujian pasca	Sejauh manakah perbezaan terhadap tahap pencapaian pra dan pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan selepas pembelajaran <i>Flipped Classroom</i> ?

Ujian Pra dan Pasca bagi kajian ini telah diselarikan dengan sukatan pelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan Tahun Satu hingga Tahun Tiga. Format dan bentuk soalan yang digubal adalah berdasarkan bentuk soalan yang terkandung dalam buku aktiviti Bahasa Tamil SK dari Tahun Satu hingga Tahun 3 dan pengubahsuaian telah dilakukan mengikut aras pemahaman dan penguasaan Tahun 6. Kertas soalan bagi ujian pra ini mengandungi 10 soalan yang memperuntukkan 100 markah. Kesemua soalan adalah berbentuk objektif dan juga subjektif. Tiga daripada sepuluh soalan adalah berbentuk objektif manakala lapan lagi soalan adalah berbentuk item jawapan pendek, item betul atau salah, item padanan dan item susunan. Murid disyorkan menjawab dalam masa 45 minit. Dalam kajian ini, seramai 62 orang murid diberikan ujian pra terlebih dahulu bagi menguji tahap penguasaan yang dimiliki murid sebelum melalui proses eksperimen. Dalam ujian ini operasinya adalah skor. Skor ini diambil kira untuk menganalisis data. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) versi 30.0.

Dapatan Kajian

Analisis Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Rajah 3 menunjukkan perbezaan markah ujian pra dan ujian pasaca kumpulan kawalan. Murid ini diajar dengan menggunakan kaedah tradisional.



Rajah 3: Analisis Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Hasil analisis ini menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pencapaian murid selepas sesi pengajaran secara konvensional. Dapatan menunjukkan bahawa dalam ujian pra, sebahagian besar murid berada dalam gred C (memuaskan) dan D (mencapai tahap minimum), manakala hanya sebilangan kecil berada pada tahap A (cemerlang) atau B (baik). Selepas ujian pasca, terdapat sedikit peningkatan dalam bilangan murid yang mencapai gred C dan B, manakala bilangan dalam gred D dan E menunjukkan sedikit pengurangan. Walau bagaimanapun, perubahan tersebut adalah tidak ketara jika dibandingkan dengan kumpulan rawatan yang menerima pendekatan pengajaran *Flipped Classroom*. Peningkatan pencapaian skor ujian pra dan pasca kumpulan kawalan seperti Jadual 3 di bawah.

Murid	Ujian Pra	Ujian Pasca	Peningkatan Skor
M1	46	48	+2
M2	52	52	-
M3	50	54	+4
M4	46	48	+2
M5	58	62	+4
M6	34	38	+4
M7	46	50	+4
M8	30	36	+6
M9	36	42	+6
M10	78	82	+4
M11	64	64	-

Murid	Ujian Pra	Ujian Pasca	Peningkatan Skor
M12	56	56	-
M13	50	54	+4
M14	44	46	+2
M15	56	60	+4
M16	44	44	-
M17	40	44	+4
M18	48	52	+4
M19	30	32	+2
M20	34	36	+2
M21	68	70	+2
M22	56	60	+4
M23	72	76	+4
M24	38	40	+2
M25	28	32	+4
M26	48	52	+4
M27	40	40	-
M28	58	62	+4
M29	44	50	+6
M30	50	56	+6
Min Peningkatan Skor			+3.76

Jadual 3: Peningkatan Pencapaian Skor Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Analisis terhadap peningkatan skor pencapaian murid dalam kumpulan kawalan menunjukkan bahawa terdapat purata peningkatan sebanyak +3.76 mata selepas sesi pengajaran dijalankan. Nilai ini diperoleh daripada perbezaan antara skor ujian pasca dan ujian pra bagi setiap murid. Walaupun terdapat beberapa murid yang tidak menunjukkan sebarang perubahan dalam skor, sebahagian besar murid menunjukkan peningkatan sederhana dalam pencapaian.

Analisis peningkatan skor purata ini mencerminkan bahawa pendekatan pengajaran konvensional yang digunakan dalam kumpulan kawalan masih memberi kesan terhadap pemahaman dan prestasi murid. Namun, peningkatan yang agak rendah ini juga memberi gambaran bahawa kaedah pengajaran tradisional mungkin tidak mencukupi untuk merangsang peningkatan pencapaian yang lebih signifikan dalam kalangan murid.

Peningkatan pencapaian skor ujian pra dan pasca kumpulan rawatan ditunjukkan di Jadual 4 di bawah.

Murid	Ujian Pra	Ujian Pasca	Peningkatan Skor
M1	48	56	+8
M2	40	48	+8
M3	50	56	+6
M4	72	84	+12
M5	50	56	+6
M6	40	48	+8
M7	50	58	+8
M8	66	70	+4
M9	30	40	+10
M10	28	40	+12
M11	44	50	+6
M12	42	50	+8
M13	48	52	+4
M14	50	58	+8
M15	52	60	+8
M16	24	40	+16
M17	46	54	+8
M18	40	46	+6
M19	42	48	+6
M20	72	80	+8

Murid	Ujian Pra	Ujian Pasca	Peningkatan Skor
M21	64	66	+2
M22	50	56	+6
M23	54	60	+8
M24	48	52	+8
M25	34	42	+10
M26	42	48	+6
M27	54	62	+8
M28	56	60	+4
M29	58	62	+4
M30	72	84	+12
M31	48	56	+8
M32	50	58	+8
Min Peningkatan Skor			+7.63

Jadual 4: Peningkatan Pencapaian Skor Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

Analisis peningkatan skor pencapaian bagi kumpulan rawatan menunjukkan bahawa terdapat purata peningkatan sebanyak +7.63 mata dalam skor ujian pasca berbanding ujian pra. Nilai ini diperolehi melalui perbandingan skor individu sebelum dan selepas intervensi dijalankan, yang dalam konteks kajian ini melibatkan penggunaan pendekatan *Flipped Classroom* dalam pengajaran *Aathichudi*.

Peningkatan min yang ketara ini mencerminkan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan dalam membantu murid memahami dan menguasai kandungan pembelajaran dengan lebih baik. Berbanding dengan kumpulan kawalan, peningkatan dalam kalangan kumpulan rawatan hampir dua kali ganda lebih tinggi, sekali gus menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang memberi penekanan kepada pembelajaran sendiri sebelum sesi kelas serta interaksi aktif semasa sesi bersemuka mampu meningkatkan pencapaian murid secara signifikan.

Perbezaan Min Dan Sisihan Piawai Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Dalam kajian ini statistik deskriptif berdasarkan min dan sisihan piawai digunakan. Paparan adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 5: Skor Min Dan Sisihan Piawai Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan

Ujian	Min	Sisihan Piawai
Ujian Pra	48.13	12.35
Ujian Pasca	51.27	12.31

Jadual 5 menunjukkan skor berdasarkan min ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan. Skor min ujian pra mencatatkan 48.13 manakala skor min bagi ujian pasca pula mencatatkan 51.27. Sisihan piawai bagi ujian pra mencatatkan 12.35 dan ujian pasca mencatatkan 12.31. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan pasca kerana murid kumpulan kawalan diajar dengan menggunakan kaedah tradisional dalam pembelajaran *Aathichudi*.

Perbezaan Min Dan Sisihan Piawai Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

Jadual 6: Skor Min Dan Sisihan Piawai Ujian Pra Dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan

Ujian	Min	Sisihan Piawai
Ujian Pra	48.88	11.88
Ujian Pasca	56.25	11.36

Jadual 6 menunjukkan skor berdasarkan min ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan. Skor min ujian pra mencatatkan 48.88 manakala skor min bagi ujian pasca pula mencatatkan 56.25. Sisihan piawai bagi ujian pra mencatatkan 11.88 dan ujian pasaca mencatatkan 11.36. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dengan pasca kerana murid kumpulan rawatan diajar dengan menggunakan pendekatan *Flipped Classroom* dalam pembelajaran *Aathichudi*. Justeru, skor min ujian pasca berdasarkan pendekatan *Flipped Classroom* dalam pembelajaran *Aathichudi* lebih tinggi berbanding skor min ujian pra.

Perbincangan Kajian

Jika disorot kembali ke pernyataan masalah, terdapat masalah dalam pembelajaran *Aathichudi* di kalangan murid-murid sekolah kebangsaan. Permasalahan ini dapat dikenal pasti dalam persoalan pertama kajian. Persoalan pertama kajian adalah 'Apakah isu-isu yang dihadapi oleh murid Tahun 6 dalam pengajaran dan pembelajaran *Aathichudi*?'. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik untuk mengenal pasti isu-isu yang timbul dalam pembelajaran *Aathichudi*. Seramai 30 orang murid dan 30 orang guru terlibat dalam kajian soal selidik analisis keperluan ini dari beberapa daerah di negeri Perak.

Dapatan daripada persoalan pertama berdasarkan soal selidik analisis keperluan menjelaskan bahawa murid-murid menghadapi masalah dalam pembelajaran *Aathichudi* di kelas tetapi mereka selesa dengan teknik dan pendekatan yang digunakan sekarang iaitu kelas tradisional di mana guru menjadi sumber utama memberikan maklumat. Walau bagaimanapun, murid-murid berpandangan bahawa mereka memerlukan pendedahan baharu melalui pembelajaran sendiri bagi meningkatkan tahap pemahaman terhadap pembelajaran *Aathichudi*. Malah, sebahagian besar murid turut menyatakan keperluan terhadap pendekatan baharu yang

berasaskan teknologi. Ini kerana dengan adanya kepelbagaian teknik dalam pembelajaran, minat murid terhadap pelajaran meningkat dan semangat ingin tahu makin berkembang. Guru-guru pula amat memerlukan pendekatan baharu yang inovatif dan sokongan menyeluruh agar pelaksanaan pengajaran dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.

Dari pandangan murid-murid, guru perlu dijadikan sebagai fasilitator sewaktu PdP *Aathichudi* di kelas. Oleh yang demikian, pengkaji ingin membina satu bahan pembelajaran *Aathichudi* melalui pendekatan *Flipped Classroom* yang boleh dijadikan sebagai pembelajaran sendiri murid-murid bagi menyelesaikan masalah dalam pembelajaran *Aathichudi*. Guru-guru pula bersetuju dengan keperluan inovasi dan pembelajaran sendiri sebagai sebahagian daripada PdP yang berkesan. Ini kerana setiap murid mempunyai tahap keupayaan yang berbeza dan dengan menyediakan bahan yang boleh diakses pada bila-bila masa, murid berpeluang mengulang kaji dan mengukuhkan pemahaman mereka tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru. Pendekatan ini juga selaras dengan usaha untuk memupuk sikap tanggungjawab terhadap pembelajaran, meningkatkan kemahiran insaniah serta menyediakan murid untuk pembelajaran sepanjang hayat. Oleh kerana itu, pengkaji membangunkan satu bahan pembelajaran *Aathichudi* melalui pendekatan *Flipped Classroom* bagi membantu murid-murid dalam pembelajaran *Aathichudi*.

Penemuan ini selari dengan dapatan kajian Abdul Rahim Kamarul Zaman (2021) yang menyatakan bahawa guru menghadapi kesukaran menyediakan bahan yang interaktif dan bersesuaian dengan tahap murid. Kajian oleh Nurul Azwani Mohd Idriki (2022) pula menegaskan bahawa kekurangan penggunaan bahan digital menyebabkan pengajaran menjadi pasif dan gagal merangsang minat murid terhadap kandungan tradisional. Kajian terbaru oleh Rohaida Mazlan et al. (2025) turut menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran tradisional tanpa elemen teknologi atau interaktif tidak lagi sesuai dengan gaya pembelajaran murid generasi kini yang lebih responsif terhadap pendekatan berasaskan teknologi dan visual.

Situasi ini menunjukkan keperluan kepada pendekatan yang bersifat aktif dan berpusatkan murid, sebagaimana yang ditekankan dalam Teori Pembelajaran Aktif. Menurut Ayres (2007), penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti pembelajaran mampu meningkatkan keupayaan mereka memproses maklumat dengan lebih mendalam, sekaligus mengatasi cabaran dalam pengajaran konvensional. Dalam konteks kajian ini, isu-isu yang dikenal pasti menjustifikasikan keperluan intervensi melalui pendekatan seperti *Flipped Classroom*.

Justeru, persoalan kajian pertama ini membuktikan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk memperkenalkan pendekatan yang lebih bersifat murid-centred dan berasaskan teknologi dalam PdP *Aathichudi*. Intervensi melalui pembinaan bahan *Flipped Classroom* dilihat mampu mengatasi cabaran sedia ada serta meningkatkan keberkesanan PdP *Aathichudi* dalam kalangan murid sekolah kebangsaan.

Persoalan kajian kedua, iaitu “Apakah isi kandungan yang diperlukan dalam pembinaan bahan dan aktiviti pembelajaran *Aathichudi* melalui pendekatan *Flipped Classroom*?”. Bahagian ini membincangkan penilaian pakar yang terdiri daripada pensyarah, guru berpengalaman lebih 10 tahun, dan Ketua Panitia Bahasa Tamil.

Elemen komponen utama bagi pandangan pakar terhadap pembinaan bahan pembelajaran ini adalah berkaitan kesesuaian bahan pembelajaran yang dibangunkan. Penilaian pakar merangkumi aspek kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran, serta pendekatan pedagogi yang diterapkan dalam bahan dan aktiviti yang dibina.

Instrumen yang digunakan dalam bahagian ini adalah borang penilaian. Panel pakar telah menyatakan kelebihan dan kelemahan bahan dan aktiviti pembelajaran *Aathichudi* melalui pendekatan *Flipped Classroom* dalam borang penilaian. Borang penilaian tersebut merangkumi tiga aspek utama iaitu kesesuaian kandungan, bahan pembelajaran dan aspek pedagogi bahan. Skor yang diberikan adalah mengikut skala likert.

Secara keseluruhan, purata nilai min penilaian kandungan instrumen ialah 4.63, manakala sisihan piawai keseluruhan ialah 0.29. Dapatan ini mencerminkan tahap kesesuaian yang tinggi terhadap kandungan instrumen. Min yang tinggi menunjukkan bahawa kebanyakan pakar bersetuju atau amat bersetuju terhadap item yang dikemukakan, manakala sisihan piawai yang rendah menunjukkan wujudnya konsistensi dan kesepakatan dalam penilaian yang diberikan. Bahan pembelajaran *Aathichudi* melalui pendekatan *Flipped Classroom* yang dibina oleh pengkaji berjaya meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam pembelajaran *Aathichudi*. Murid dapat menonton video, mendengar audio dan pelbagai pendekatan yang dirancang oleh guru di luar waktu kelas mengikut keselesaan mereka dan datang ke kelas dengan pemahaman awal tentang pelajaran tersebut. Sesi kelas pula digunakan untuk aktiviti seperti perbincangan, kuiz, latihan berpasangan dan permainan bahasa, yang menambah keseronokan dan meningkatkan interaksi antara guru dan murid.

Pendekatan ini sejajar dengan prinsip Teori Pembelajaran Aktif yang menekankan pengalaman pembelajaran bermakna melalui aktiviti sendiri dan kolaboratif. Menurut Ayres (2007), apabila murid dilibatkan secara aktif dalam aktiviti kognitif dan sosial, mereka akan lebih memahami dan mengingat kandungan pelajaran. Kajian oleh Zainuddin dan Perera (2020) turut mendapati bahawa pendekatan *Flipped Classroom* memberi peluang kepada murid untuk mengakses kandungan lebih awal dan memanfaatkan masa kelas untuk aktiviti pengukuhan yang lebih interaktif.

Tambahan pula, kajian oleh Ibrahim dan Alahmed (2023) menunjukkan bahawa bahan digital yang direka dengan elemen interaktif meningkatkan kemahiran belajar sendiri dan keterlibatan murid dalam pembelajaran. Kajian terkini oleh El-Thalji (2025) dalam bidang kejuruteraan pula menunjukkan bahawa penggunaan aktiviti berbentuk permainan dalam kelas yang digabungkan dengan *Flipped Classroom* berjaya meningkatkan pemahaman pelajar dan mengurangkan kekeliruan konsep. Ini membuktikan bahawa bahan dan aktiviti berasaskan pendekatan *Flipped Classroom* berpotensi besar untuk dimanfaatkan dalam pelbagai konteks pembelajaran, termasuk dalam pembelajaran *Aathichudi*.

Kesimpulannya, persoalan kajian kedua membuktikan bahawa bahan dan aktiviti pembelajaran *Aathichudi* yang dibina melalui pendekatan *Flipped Classroom* bukan sahaja sesuai dari sudut isi kandungan, malah mampu meningkatkan minat, kefahaman dan penglibatan murid secara aktif. Sokongan kuat daripada pakar menunjukkan bahawa pendekatan ini mempunyai potensi yang tinggi untuk diterapkan secara meluas dalam PdP Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan.

Persoalan kajian ketiga pula adalah “Sejauh manakah perbezaan terhadap tahap pencapaian skor ujian pra dan pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan selepas pembelajaran melalui *Flipped Classroom*?”. Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji telah membina satu ujian penguasaan *Aathichudi* bagi murid-murid Tahun Enam.

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang meliputi dua aspek utama. Aspek yang pertama adalah ujian pra dan aspek yang kedua adalah ujian pasca. Kedua-dua pengukuran amat diperlukan bagi mengetahui keberkesanan terhadap intervensi menggunakan bahan pembelajaran *Aathichudi* melalui pendekatan *Flipped Classroom*.

Ujian pra dan ujian pasca dijalankan terhadap 62 orang murid dari dua buah sekolah kebangsaan di daerah Kinta Utara. Pengkaji membahagikan 30 orang murid bagi mewakili kumpulan kawalan manakala 32 orang murid mewakili kumpulan rawatan. Responden terdiri daripada murid yang pencapaian pentaksiran sekolah setara dalam matapelajaran Bahasa Tamil SK.

Hasil analisis perisian SPSS Versi 30.0 menunjukkan bahawa untuk ujian pasca kumpulan kawalan, nilai t adalah -2.06 dan nilai signifikan yang diperolehi adalah .043 manakala untuk ujian pasca kumpulan rawatan, nilai t adalah -2.96 dan nilai signifikan yang diperolehi adalah .005. Keputusan ini menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan *Flipped Classroom* dalam pengajaran *Aathichudi* memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian murid. Kumpulan rawatan yang telah mengikuti pembelajaran berasaskan bahan video dan aktiviti aktif dalam kelas menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik berbanding kumpulan kawalan yang diajar menggunakan kaedah tradisional.

Dapatan ini adalah sejajar dengan kajian oleh Zainuddin dan Perera (2020) yang membuktikan bahawa pendekatan *Flipped Classroom* dapat meningkatkan pencapaian pelajar melalui penyusunan semula strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel dan berfokuskan murid. Kajian Nileshkumar Panchal dan Rohidas Nitonde (2023) turut menunjukkan bahawa murid sekolah rendah yang mengikuti pembelajaran bahasa menggunakan pendekatan *Flipped Classroom* menunjukkan peningkatan signifikan dalam kefahaman dan prestasi ujian.

Dari sudut teori, dapatan ini mengukuhkan Teori Pembelajaran Aktif yang menegaskan bahawa pembelajaran yang melibatkan murid secara aktif akan mendorong pemikiran aras tinggi, penerokaan sendiri dan kolaborasi yang seterusnya membawa kepada pencapaian akademik yang lebih tinggi (Bonwell&Eison, 1991; Prince, 2004; Freeman et al., 2014). Murid dalam kumpulan rawatan bukan sahaja lebih terlibat secara kognitif, malah lebih bermotivasi dan bertanggungjawab terhadap proses pembelajaran mereka, yang merupakan prinsip teras dalam teori ini.

Secara keseluruhannya, persoalan kajian ketiga menunjukkan bahawa pendekatan *Flipped Classroom* bukan sahaja berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran *Aathichudi*, tetapi juga berjaya menyokong pembelajaran yang lebih bermakna, fleksibel dan mampan. Keputusan statistik yang signifikan ini memberi justifikasi kukuh terhadap penggunaan intervensi ini dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan, selaras dengan tuntutan pendidikan abad ke-21.

Kesimpulan

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pendekatan *Flipped Classroom* memberikan impak yang positif dan signifikan terhadap pembelajaran *Aathichudi* dalam kalangan murid Tahun 6 di Sekolah Kebangsaan. Melalui pelaksanaan bahan pembelajaran *Aathichudi* yang dibangunkan berdasarkan pendekatan ini, murid-murid menunjukkan peningkatan dalam penguasaan isi kandungan, pembelajaran sendiri serta minat terhadap pembelajaran Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan.

Kajian ini juga berjaya mengenal pasti beberapa isu dan keperluan yang dihadapi dalam proses pembelajaran *Aathichudi*, antaranya ialah kekangan masa PdP, tahap penglibatan murid yang rendah, dan kekurangan bahan bantu mengajar yang inovatif. Pendekatan *Flipped Classroom* yang menggabungkan penggunaan bahan video dan latihan telah membantu mengatasi sebahagian besar cabaran ini, sekaligus menyokong pelaksanaan PdP yang lebih fleksibel dan berfokuskan murid.

Dapatan kajian ini turut memberi implikasi penting kepada pelbagai pihak. Bagi murid, pendekatan ini membantu meningkatkan keyakinan dan keberkesanan pembelajaran sendiri. Bagi guru, pendekatan ini membuka ruang kepada inovasi pengajaran dan memperkukuh peranan sebagai fasilitator. Pihak sekolah pula dapat memperkukuh inisiatif transformasi PdP yang lebih berpusatkan teknologi. Manakala bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, hasil kajian ini menyumbang kepada penambahbaikan dasar pendidikan digital serta perancangan latihan guru yang lebih berfokus.

Akhir sekali, kajian ini turut membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan dalam aspek pedagogi berasaskan teknologi, pembangunan bahan pengajaran digital serta kesesuaian pelaksanaan *Flipped Classroom* dalam pelbagai subjek dan peringkat pendidikan. Justeru, pendekatan ini wajar diteruskan dan diperkasakan sebagai salah satu strategi pendidikan abad ke-21 yang berdaya saing, inklusif dan mampan.

Penghargaan

Segala puji dan syukur ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah rahmat Yang Maha Esa, saya akhirnya berjaya menyiapkan disertasi ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Karthees Ponniah, atas segala tunjuk ajar, bimbingan berterusan, nasihat yang membina serta sokongan padu yang telah banyak membantu saya sepanjang pelaksanaan kajian ini. Bimbingan beliau merupakan sumber kekuatan dan inspirasi utama dalam menyempurnakan kajian ini dengan lebih terarah dan bermakna. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, pentadbir sekolah, guru-guru Bahasa Tamil serta murid-murid Tahun Enam yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik dalam kajian ini. Sumbangan mereka dalam bentuk masa, sokongan serta maklumat amat saya hargai dan menjadi elemen penting dalam kejayaan kajian ini. Setulus hati saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada suami saya yang tercinta, Yogeswaran A/L Saminathan, atas segala pengorbanan, sokongan moral, dorongan dan kesabaran yang beliau berikan sepanjang saya menjalani pengajian ini. Beliau sentiasa menjadi pendorong utama dalam menghadapi segala tekanan, cabaran serta kekangan masa sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan. Tidak dilupakan, kepada anak-anak tersayang serta kedua ibu bapa saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dan menjadi sumber kekuatan rohani dalam setiap langkah kehidupan dan pengajian saya.

Rujukan

- Adnan, M. (2017). Perceptions of senior-year ELT students for flipped classroom: A materials development course. *Computer Assisted Language Learning*, 30(3–4), 204–222.
- Ahmad, N., Noni, N. S., & Sapari, J. (2023). Impak Pendekatan Pembelajaran Flipped Classroom Terhadap Tahap Motivasi. *Asian Pendidikan*, 3(1), 60-68.
<https://doi.org/10.53797/aspen.v3i1.8.2023>
- Ahmad, Y., Suratman, M. N., Hassim, A., Md Amir, M. A., & Abd Latif, Z. (2021). Mendepani pandemik COVID-19: bukti empirikal daripada hasil penyelidikan. UiTM Press.
- Ainullah, Endry, B., Yuli, R., & Bramianto, S. (2021). Systematic Literature Review: Improving Self Regulated Learning Through The Flipped Classroom Model Based on Interactive E-Books. *Jurnal Basicedu*, 5(4), 2541–2549.
<https://doi.org/10.31004/basicedu.v5i4.1230>
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod & Muna Rozanna Mohamad. 2017. Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 7 (2):77–88.
- Aithal, A., & Aithal, P. S. (2020). Development and validation of survey questionnaire & experimental data—a systematical review-based statistical approach. *International Journal of Management, Technology, and Social Sciences (IJMTS)*, 5(2), 233-251.
- Birgili, B., Seggie, F. N., & Oğuz, E. (2021). The trends and outcomes of flipped learning research between 2012 and 2018: A descriptive content analysis. *Journal of Computers in Education*, 8(2), 1-30.
- Bonwell, C. C., & Eison, J. A. (1991). *Active Learning: Creating Excitement in the Classroom*. ASHE-ERIC Higher Education Report No. 1. Washington, DC: The George Washington University.
- Bransford, J. D., Brown, A. L., & Cocking, R. R. (2008). *Mind and brain. The Jossey-Bass reader on the brain and learning*, 98-108.
- Halili, S. H., & Zainuddin, Z. (2015). Flipping the classroom: What we know and what we don't. *The online Journal of Distance Education and E-learning*, 3(1), 15-22.
- Hanaa Ouda, K. A. (2016). Flipped learning as a new educational paradigm: An analytical critical study. *European Scientific Journal*, 12(10), 417-444.
- Handayani, M., Parimita, W., & Suherdi, S. (2023). Pengaruh Pemberdayaan Terhadap Komitmen Organisasi Dimediasi Oleh Kepuasan Kerja Pada Guru Smk Swasta Di Wilayah Jakarta Timur. *Sibatik Journal: Jurnal Ilmiah Bidang Sosial, Ekonomi, Budaya, Teknologi, Dan Pendidikan*, 2(2), 393-408.
- Kaviza, M. (2020). Persepsi Penerimaan Murid Terhadap Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Dokumen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 79-86.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas menengah)*
- Peng, C. F., & Tanggayah, S. (2019). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(2), 41-52.
- Ponniah, K., Kumar, M., Moneyam, S., & Sivanadhan, I. (2019). The teaching of Thirukkural based on HOTS among the students of Tamil primary schools in the

state of Perak. International Journal of Advanced and Applied
Sciences, 6(2), 94-101.

Tucker, B. (2012). The flipped classroom: Online instruction at home frees class time for
learning. Education Next, 12(1), 82-83.